

28 DEC 1997

Asia-krisis

MASA DEPAN ASIA CERAH WALAUPUN DILANDA KRISIS

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Masa depan Asia tetap cerah walaupun sedang bergelut dengan krisis matawang, kata seorang "guru" pengurusan yang dikenali di seluruh dunia sebagai "Mr Strategy".

Dr Kenichi Ohmae, salah seorang pemikir strategi yang terkenal di Asia, berkata Asia mempunyai kecemerlangan teknologi terutama dalam bidang maklumat digital manakala pengetahuannya mengenai pengeluaran adalah yang terbaik.

Mengukuhkan keyakinannya bahawa Asia akan muncul lebih gagah dari segi ekonomi selepas krisis itu, beliau berkata rantau ini mempunyai modal dan sumber manusia yang melambak, walaupun pada hakikatnya sesetengah daripada dua aset itu telah hilang dalam krisis itu.

Dalam satu esei yang ditulisnya untuk edisi khas majalah Asiaweek bagi menutup tirai 1997, Ohmae membawa pembaca berfikir secara mendalam dengan membuat analisis yang mengejutkan apabila beliau menegaskan tahun 1997 merupakan "tahun yang agak baik" bagi rantau ini berbeza dengan yang diujahkan oleh para pundit.

Dr Ohmae, seorang anggota Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia, menyifatkan kelembapan ekonomi yang menyusul selepas kejatuhan nilai mata wang, yang menyebabkan matawang beberapa buah negara susut nilai sehingga 50 peratus berbanding dolar Amerika sebagai "proses biasa".

"Malah sejarahwan masa depan mungkin menyifatkannya sebagai suatu rahmat yang tersembunyi".

Jepun, katanya telah melalui dua krisis tenaga sejak 1973 dan setiap kali berlaku pertumbuhannya terencat tetapi kemudian ekonomi kembali cergas lebih daripada biasa, malah hingga mencecah per kapita KDNK AS\$30,000 dalam 1989.

Ohmae menerangkan negara-negara Asia terjejas teruk akibat kejatuhan nilai matawang kerana terpaksa menyesuaikan diri dengan kedua-dua mata wang yen Jepun dan dolar Amerika.

Sebagai contoh katanya pada 1995, matawang Jepun itu mencecah 80 berbanding dolar; tetapi kini pada paras 130 yang bermakna kadar yen telah menurun hampir 50 peratus berbanding dolar.

Sebahagian besar negara-negara Asia menjual produk mereka ke luar negeri dalam matawang dolar. Lebih 90 peratus perdagangan antarabangsa antara Indonesia, Malaysia, Thailand dan Singapura dijelaskan dalam dolar.

Tetapi pinjaman kebanyakan negara Asia dibuat dalam yen. Jadi walaupun menerima pembayaran dalam bentuk dolar, mereka perlu membayar faedah dalam bentuk yen.

Ini bermakna apabila yen kukuh, negara-negara Asia juga turut terjejas -- kemasukan pendapatan yang diperolehi dalam bentuk dolar akan hilang nilai kepada yen yang mengalir keluar.

Ohmae berkata naik-turun antara yen dan dolar berlaku walaupun ekonomi kedua-dua negara terkaya di dunia itu stabil, dan ini menunjukkan bahawa naik-turun nilai matawang berlaku kerana beberapa sebab, malah ia berlaku tanpa kaitan dengan asas-asas ekonomi.

Beliau juga berhujah dengan panjang lebar bahawa kejatuhan nilai matawang itu mungkin berpunca daripada angkara spekulator matawang Amerika George Soros dan syarikatnya Quantum Fund, tetapi daripada pandangan pasaran matawang dunia, keadaan itu berlaku mengikut proses biasa.

"Jika dia tidak buat, orang lain mungkin akan melakukan perkara yang sama. Malah, ramai yang lain turut terlibat dalam proses itu -- sesetengah daripada mereka telah membuat tindak balas terhadap masalah dalaman dalam negara-negara yang terlibat".

Dr Ohmae yakin krisis matawang dan pasaran saham itu banyak dikaitkan dengan keputusan mesyuarat negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur Julai lalu untuk menerima kemasukan Myanmar sebagai anggota pertubuhan serantau itu bertembung dengan agenda politik Soros untuk mengelak ia berlaku.

Soros dan seorang lagi pembiayai kewangan Julian Robertson yang menguasai Tiger Fund mula bermain baht Thailand tidak lama selepas itu apabila kedua-dua penyayang itu berkata bahawa mereka mahu "mendisiplinkan" kerajaan-kerajaan berkenaan mengikut peraturan pasaran bebas.

Yang ketara menjadi mangsa ialah Thailand, yang menurut Ohmae, ekonominya telah meruap dan mengalami defisit semasa untuk beberapa tahun.

Juga di Thailand, wang telah dibawa masuk dari luar dengan banyaknya ke dalam negara itu menyebabkan keadaan ekonominya meruap hingga membolehkan spekulator lindung nilai mengaut untung daripada penjualan baht.

Tetapi Dr Ohmae, yang baru-baru ini mengiringi sekumpulan 51 orang pegawai eksekutif Jepun melawat Myanmar, menyarankan agar Soros dan kakitangan penyelidikannya pergi ke Myanmar untuk melihat sendiri perubahan dalam pemerintahan kuku besi di bawah junta tentera yang ada sekarang.

"Soros adalah seorang spekulator matawang dan pengurus lindung nilai. Dia seharusnya menguruskan wang, bukan bermain politik antarabangsa," katanya.

Dr Ohmae berkata negara-negara Asia telah mengambil tindakan berlebihan dalam menangani fenomena matawang terutama negara-negara yang menggunakan bank negara masing-masing untuk mempertahankan matawang mereka.

Yang paling parah ialah Thailand, setelah dibebani dengan ekonomi yang meruap, diburukkan lagi dengan kegawatan syarikat-syarikat kewangan, mengalami kerugian sekitar AS\$10 bilion daripada rizabnya untuk mempertahankan baht.

Bagi Malaysia, yang mempunyai asas ekonomi lebih baik daripada Thailand, beliau yakin tindakan berlebihan itu akan diperbetulkan dengan dasar-dasar ekonomi yang lebih tenang dan objektif.

Dr Ohmae bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir supaya diadakan peraturan tertentu bagi perdagangan matawang, sama seperti Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) mewujudkan peraturan bagi perdagangan barangan dan perkhidmatan.

Bagi beliau pengajaran paling berharga yang boleh dipelajari oleh Asia daripada krisis itu ialah pasaran mendisiplinkan kerajaan dan bukan sebaliknya.-- BERNAMA

AU oba